



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
K E P I M P I N A N
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 30/12/2018 |



Dr Mahathir bersama Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU kali kedua di PICC, Putrajaya, malam tadi.

'Kerosakan dahulu amat teruk'

BH - 30/12/2018 m/s 2

➔ Jentera kerajaan akan dipulih, dibersih semula: Tun M

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pihaknya masih menemui kerosakan dalam jentera kerajaan dan kewangan negara yang tersembunyi ketika pentadbiran terdahulu walaupun selepas tujuh bulan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata, kerosakan itu tidak pernah diketahui secara mendalam oleh PH ketika berkempen pada Pilihan Raya Umum Ke-14 sehingga pentadbiran kerajaan diambalik.

Beliau berkata, kerosakan itu pula amat teruk dan merangkumi hampir setiap bahagian

pentadbiran kerajaan.

Malangnya, kata Dr Mahathir, ramai rakyat tidak pun memberi perhatian kepada tindakan undang-undang yang diambil terhadap pemimpin dahulu.

"Sebaliknya dengan lantang, pemimpin dahulu cuba mengajar kita tentang cara-cara kita tangani masalah. Masalah yang ditinggalkan oleh mereka. Jika mereka begitu pandai, kenapakah mereka tidak betulkan kerosakan ketika mereka memerintah dahulu," katanya pada ucapan dasar Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU kali kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, malam tadi.

Beliau berkata, Peguam Negara sudah memulakan langkah awal untuk mendakwa pemimpin terdahulu kerana kesalahan salah guna kuasa dan rasuah dan menagaskan ia bukan kerana membalas dendam, sebaliknya atas dasar menghormati undang-undang.

"Amatlah mengecewakan apabila ada yang menolak kesalahan yang jelas dilakukan oleh pemimpin terdahulu. Jika kesalahan mereka tidak diproses mengikut un-

dang-undang maka kita akan dituduh melepaskan geram dan membalas dendam.

Tidak ikhlas

"Tetapi proses undang-undang mengambil masa. Untuk dilihat kita memerintah mengikut undang-undang kita perlu terima kelewatan proses itu," katanya.

Beliau berkata, rakyat sudah bosan dan tidak lagi memberi perhatian kepada kesalahan kerajaan terdahulu.

Justeru, tindakan pemimpin dahulu untuk menjadi juara orang Melayu dengan menyertai demonstrasi baru-baru ini adalah tidak ikhlas dan rakyat tidak akan tertipu dengan tindakan itu.

"Jika mereka ikhlas, masalah kita hadapi tidak akan berlaku. Apa yang sebenar berlaku ialah parti dahulu disanjung tinggi kerana perjuangan melawan Malayan Union dan memerdekakan negara, sudah ditolak oleh rakyat, khususnya orang Melayu, kerana terbahit dengan rasuah, pencurian dan pengamalan pemerintahan kleptokrasi. Hari ini mereka hancur berkecai kerana per-

buatan mereka sendiri," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, amat mengecewakan apabila ada pihak menolak kesalahan dilakukan pemimpin terdahulu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang menangani hutang negara dengan baik, manakala jentera kerajaan dibersihkan dan dipulihkan semula.

"Malangnya rakyat, terutama golongan miskin merasai tekanan kos sara hidup yang tinggi. Kerajaan dahulu pernah memberi duit percuma kepada rakyat secara rambang. Kita Pakatan Harapan (PH) tidak mampu.

"Sebabnya kita tidak mampu ialah kerana kita tidak selewengkan wang kerajaan.

"Lagipun sebahagian yang tidak kecil dari pendapatan kerajaan terpaksa diguna untuk bayar hutang dan faedah yang amat tinggi. Jika hutang tidak dibayar maka kita boleh menjadi mufliis - bankrap," katanya.

➔ Teks ucapan penuh layari www.bharian.com.my